

28/07/2000

Keluarga tebusan diminta bersabar

KOTA KINABALU, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta keluarga tiga mangsa tebusan Malaysia yang masih belum dibebaskan kumpulan Abu Sayyaf di Jolo, supaya bersabar menunggu kepulangan mereka.

Tiga mangsa tebusan Pulau Sipadan yang masih ditahan ialah Fung Yin Ken, Basilius Jim dan Kua Yu Long. Enam warga Malaysia lain sudah dibebaskan termasuk empat Jumaat lalu.

Dr Mahathir berkata, tebusan yang dibebaskan menceritakan mereka dilayan dengan baik oleh penculik.

"Mereka yang ditahan tidak dcederakan atau ditekan, cuma makanan yang kurang sesuai hingga ada yang cirit-birit," katanya.

Dr Mahathir meminta keluarga terbabit tidak terlalu bimbang kerana kumpulan penculik berkenaan tidak ganas berbanding kumpulan di Sauk, Perak yang menyeksa dan membunuh dua tebusan.

"Walaupun kumpulan di Jolo menahan ramai tebusan tetapi mereka tidak diseksa atau dibunuh ... kita harap yang lain akan dibebaskan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menemui keluarga dan mangsa tebusan Pulau Sipadan sempena majlis Makan Malam Bersama Rakyat di sini malam ini.

Turut hadir semua enam tebusan yang dibebaskan, Zulkarnain Hashim, Abdul Jawah Salawat, Francis Masangkim, Baln Krishnan Nair, Vincent Kong dan Lee Hock Leong serta keluarga masing-masing.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa simpati kepada tiga keluarga mangsa tebusan yang masih ditahan iaitu ibu Kua Yu Loong, Fung Siau Moi, ibu Ken, Chong Suk Moi dan isteri Basilius, Emily Mijoh.

(END)